



LEMBAGA
LEBUHRAYA
MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Rujukan Fail: Bil (54) dlm.LLM/SM/1-2 Jld.2 (UR)

1) JURUTERA AWAM (GRED J44)

1. (a) Jawatan : Jurutera Awam (Gred J44)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan Dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

2. Jadual Gaji Minimum - Maksimum: RM 3,608.00 – RM 10,557.00

3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - e) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.
4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :
- a) Menganggotai Jawatankuasa Kerja (JKK), Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP), Jawatankuasa Kerjasama Awam- Swasta (JKAS) dan Jawatankuasa Tertinggi Awam- Swasta (JTAS) termasuk memberikan ulasan dan pandangan untuk cadangan lebuh raya baharu oleh kerajaan atau dari syarikat swasta;
 - b) Membuat perundingan dan memuktamadkan terma-terma teknikal Perjanjian Konsesi Lebuh Raya Bertol Baharu;
 - c) Urus Setia kajian-kajian lebuh raya yang melibatkan perancangan serta dasar lebuh raya bertol;
 - d) Melaksana kajian *outcome* projek-projek lebuh raya telah beroperasi dari segi ekonomi, sosial, alam sekitar dan sebagainya;
 - e) Menyemak Obligasi syarikat konsesi kepada pihak kerajaan/LLM yang tidak ditunaikan sepertimana termaktub di dalam Perjanjian Konsesi serta menyemak keperluan terma baharu perjanjian tambahan;
 - f) Mengurus pelaksanaan Kajian Sistem Rangkaian Jalan Raya/Lebuh Raya dan penyediaan panduan jumlah trafik tahunan semua lebuh raya; dan
 - g) Menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa perancangan di peringkat daerah, negeri dan kementerian berhubung dengan lebuh raya bertol.

2) PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT (GRED N19)

1. (a) Jawatan : Pembantu Setiausaha Pejabat (Gred N19)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
2. Jadual Gaji Minimum - Maksimum: RM 1,352.00 – RM 4,003.00

3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

- d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab untuk memastikan segala urusan harian di Pejabat Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat- menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, memastikan semua keperluan rasmi Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja pegawai penyelia supaya teratur.

3) PEMANDU KENDERAAN (GRED H11)

1. (a) Jawatan : Pemandu Kenderaan (Gred H11)
(b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
(c) Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
2. Jadual Gaji : RM 1,218.00 – RM 2,939.00
3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/1 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
- Lesen F/H : RM1,356.45
- Lesen G/I : RM 1,402.60

- iv) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian

Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak
5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan serta menjaga kenderaan di bawah kelolaan supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **29 April 2019 (Isnin) hingga 12 Mei 2019 (Ahad)**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **13 Mei 2019 (Isnin)**.

PERMOHONAN DITOLAK

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- i) Tidak lengkap;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
- iii) Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan.

CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.